

31/01/1998

Aidilfitri disambut secara serderhana

KUALA LUMPUR, Jumaat - Aidilfitri disambut dalam suasana sederhana tetapi meriah hari ini dengan tradisi perayaan tetap menyerlah, walaupun langkah berjimat-cermat diamalkan berikutan kegawatan ekonomi sekarang.

Kebanyakan umat Islam menunaikan solat sunat Aidilfitri pada sebelah pagi, diikuti menziarahi kubur, melawat rumah saudara-mara dan sahabat-handai serta mengadakan 'rumah terbuka,' satu tradisi yang menjadi kemestian di Malaysia.

Pada hari ini, orang ramai turut mengambil peluang mengunjungi pemimpin peringkat kawasan, negeri mahu pun negara di rumah-rumah terbuka.

Di ibu negara, Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agung, Tuanku Najihah diiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Negara bersama rakyat.

Turut sama, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Perdana Menteri dan isteri sebelum itu menghadap Seri Paduka berdua di Istana Negara pada 8.15 pagi.

Tuanku Ja'afar dan Tuanku Najihah juga menerima menghadap Jemaah Menteri, Duta dan tetamu kehormat di Istana Negara.

Di SHAH ALAM, Raja Muda Selangor, Tengku Idris Shah menunaikan solat Aidilfitri bersama Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, beberapa ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri dan lebih 5,000 orang di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Tengku Idris juga berkenan menerima kunjungan rakyat di Istana Bukit Kayangan di sini, dari jam 10 pagi hingga 12 tengah hari dan disambung semula pada jam 2 petang hingga 5 petang.

Abu Hassan dan keluarga turut mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Bukit Megawati, di sini dari jam 10 pagi hingga 5 petang.

Di SEREMBAN, Pemangku Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Naquiyuddin bersama umat Islam bersembahyang sunat Aidilfitri di Masjid Seri Menanti, Kuala Pilah, dekat sini.

Selepas itu, beliau disertai isteri, Tunku Puan Muda Nurul Hayati mengadakan majlis bersama rakyat di sekitar Seri Menanti dan Kuala Pilah mulai jam 10.30 pagi hingga 12.30 tengah hari, di Istana Besar Seri Menanti.

Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, bersembahyang di Masjid Negeri di sini bersama penduduk sekitar ibu negeri.

Di KOTA BHARU, Sultan Kelantan dan Tengku Mahkota menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Muhammadi.

Selepas sembahyang, beliau menghadap rakyat jelata di Istana Balai Besar. Sultan Kelantan kemudian menziarahi Makam Diraja di Langgar, dekat sini.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat mengetuai solat sunat Aidilfitri dan membaca khutbah Aidilfitri di Masjid Pulau Melaka.

Di MELAKA, Kira-kira 9,000 umat Islam menunaikan solat Aidilfitri bersama-sama Yang Dipertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabuddin di Masjid Al-Azim di sini.

Turut sama Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan beberapa Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) beragama Islam.

Syed Ahmad mengadakan rumah terbuka di kediaman rasminya di Istana Melaka, Bukit Beruang, manakala Abu Zahar pula mengadakan rumah terbuka di kediaman rasmi ketua menteri di Seri Bendahara, Peringgit.

Di PEKAN, Sultan Pahang; Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob dan beberapa ahli Exco negeri menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Sultan Ahmad Shah, di sini.

Tengku Mahkota Pahang menunaikan sembahyang sunat itu di Masjid Negeri di Kuantan.

Mohd Khalil bersama keluarga mengadakan rumah terbuka di dewan Konvensyen, berhampiran kediaman rasminya, di Kuantan.

Di ALOR STAR, Sultan Kedah menunaikan solat Aidilfitri bersama beratus umat Islam di Masjid Zahir, di sini.

Menteri Besar, Datuk Seri Sanusi Junid dan beberapa ahli Exco negeri turut mengerjakan solat bermula jam 9 pagi.

Sultanah Kedah menunaikan solat di Balai Besar berhadapan Masjid Zahir.

Sultan dan Sultanah mengadakan rumah terbuka di Istana Anak Bukit, manakala Menteri Besar di Mentalon.

Di JOHOR BAHRU, Perayaan Aidilfitri tahun ini disambut sederhana tetapi meriah.

Suasana pagi yang hujan renyai memperlihatkan Sultan Johor mengetuai 3,000 umat Islam menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Sultan Abu Bakar, di sini pagi tadi.

Turut sama ialah Tengku Mahkota Johor, Tengku Bendahara, anggota Exco kerajaan negeri dan ketua jabatan.

Bagaimanapun, Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman yang cedera di kaki, bersolat di Masjid Jalan Kolam Air, di sini.

Di KUALA TERENGGANU, Aidilfitri tetap disambut meriah.

Sebaik selesai menunaikan solat sunat Aidilfitri, orang ramai mengunjung kediaman rasmi Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, di Seri Iman, di sini.

Wan Mokhtar menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Zainal Abidin.

Sultan Terengganu yang dijadual turut bersembahyang sunat Aidilfitri di masjid itu tidak dapat hadir kerana sedang gering.

Di KUALA KANGSAR, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah menunaikan solat Aidilfitri di Masjid Ubudiah, Bukit Chandan, pagi tadi.

Turut bersembahyang di situ Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib serta Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Habib Mansur, Timbalan Menteri Pertahanan juga Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Fadzil Che Wan, Orang Besar Perak, Adun dan pegawai kanan kerajaan.

Baginda kemudiannya mengadakan jamuan hari raya bersama rakyat di Istana Iskandariah Bukit Chandan di sini.

Di KUCHING, Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Ahmad Zaidi Adruce Muhammed Noor dan isteri, Toh Puan Rosmiati, mengadakan rumah terbuka di Astana Negeri, Petra Jaya.

Beliau berdua menerima kunjungan pembesar negeri termasuk menteri, menteri muda, Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri dan ketua jabatan kerajaan.

Manakala esok, mereka berdua akan menerima kunjungan orang ramai mulai jam 10 pagi hingga 12.30 tengah hari dan jam 2 hingga 5 petang.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri, Tun Sakaran Dandai menyertai ribuan umat Islam bersembahyang di Masjid Negeri, di sini.

Selepas itu, beliau dan isteri Toh Puan Siti Rukaiyah Panglima Abdullah mengadakan rumah terbuka di Istana Negeri.

Sementara itu, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu Sukam turut mengadakan rumah terbuka di kediamannya di Likas, dekat sini petang ini.

(END)